

Konsep Etika Dan Moral Dalam Agama Sikh

Sarjit S. Gill

Pengenalan

Institusi keagamaan memainkan peranan yang penting bagi menjamin kestabilan dan kesejahteraan sesebuah masyarakat. Umumnya, institusi keagamaan merangkumi pelbagai perlakuan seperti berdoa, bersembahyang, pemujaan pada tuhan dan kepercayaan-kepercayaan terhadap sesuatu yang suci, kudus dan supernatural. Sebenarnya, konsep etika dan moral mempunyai pelbagai definisi mengikut perspektif ajaran agama masing-masing yang sememangnya sukar untuk diperjelaskan.

Semua umat manusia mengamalkan sistem kepercayaan yang telah digariskan oleh ajaran agama masing-masing. Mereka diseru untuk bertaqwah kepada Tuhan yang Esa dengan bersembahyang dan mengamalkan segala ajaran dengan penuh ketataan yang termaktub dalam agama tersebut sepanjang masa. Apa yang pasti kebanyakan agama di dunia memberi fokus kepada konsep etika dan moral. Kedua-dua konsep ini begitu penting dalam membentuk keperibadian, sahsiah dan jati diri seseorang individu berlandaskan ajaran agama masing-masing.

Artikel ini bertujuan untuk membincangkan konsep etika dan moral secara terperinci iaitu memfokus mengenai tatacara kehidupan sebenar yang dituntut dalam agama Sikh. Tulisan ini diharap dapat memberi satu gambaran yang lebih jelas terutama kepada masyarakat Malaysia amnya dan komuniti Sikh khususnya mengenai ajaran agama Sikh dan konsep etika dan moral yang dikatakan begitu penting dalam kehidupan seorang penganut Sikh. Pemahaman ini secara tidak langsung dapat menyumbang kepada kewujudan hubungan kaum yang baik serta sebuah masyarakat yang saling hormat menghormati antara satu sama lain. Sebelum membincangkan konsep etika dan moral secara mendalam adalah lebih baik sekiranya diperkenalkan kepercayaan dan sejarah agama Sikh serta pentingnya institusi gurdwara secara ringkas.

Kepercayaan Dan Sejarah Agama Sikh

Penganut Sikh menganut ajaran agama Sikh yang diasaskan oleh Sri Guru Nanak Dev Ji (1469-1539). Agama ini adalah agama monoteisme dan kepercayaan utama ialah mengenai ketuhanan yang satu, bersifat *nirankar* atau tidak berbentuk (*formless*), abadi dan sangat berkuasa. Penganut Sikh percaya bahawa Tuhan berada di mana-mana juga. Tuhan sajalah yang mempunyai segala sifat kesempurnaan.* Ini dapat dilihat dalam *Japji Sahib* (Mukadimah dalam kitab suci, *Sri Guru Granth Sahib Ji*) yang juga dikenali sebagai *Mool Mantar* yang menyatakan:

<i>Ik Ongkar</i>	(Tuhan hanya satu)
<i>Sat Naam</i>	(NamaNya benar)
<i>Karta Purkh</i>	(Dia Maha Pencipta)
<i>Nir Bhau</i>	(Waheguru tiada perasaan takut)
<i>Nir Vair</i>	(Waheguru tidak mempunyai musuh)
<i>Akaal Moorat</i>	(Waheguru kekal abadi)
<i>Ajuoni</i>	(Waheguru tidak melalui kehidupan dan kematian)
<i>Saibhang</i>	(Tiada yang menciptaNya)
<i>Gurparsaad</i>	(Waheguru boleh ditemui melalui berkat Guru)

(Sikh Naujawan Sabha 1995: 5)

Guru Nanak, pengasas agama Sikh dilahirkan pada 15 April 1469 di Nankana Sahib dan kini terletak di Pakistan (Lajwanti 1985: 2). Guru Nanak berasal dari keluarga yang berpegang teguh kepada ajaran agama Hindu dari kasta Kshatriya yakni sub-kumpulan Bedi. Ketika itu, kerajaan India berada di bawah kuasa pemerintahan Islam. Apabila Guru Nanak dilahirkan, sami dari keluarga Hindu telah meramalkan bahawa Guru Nanak akan menjadi seorang yang mashyur; dalam erti kata yang lain sebagai Nabi seperti pernyataan berikut:

Both Hindus and Muslims will penetrate him. His name will become known on earth and in heaven. The ocean will give him way: so will the earth and the sky. He will worship only one Formless God and teach others to do so.

(Guninder Kaur 1993: 18)

Semasa berumur 16 tahun, Guru Nanak telah bekerja dengan seorang majikan Muslim iaitu Daulat Khan dan tinggal bersama dengan kakaknya, Bibi Nanaki Ji di Sultanpur Lodhi. Semasa bekerja dengan Daulat Khan, Guru Nanak telah berjumpa dan bergaul dengan ramai orang alim dan golongan intelektual. Walaupun ini telah menarik perhatiannya terhadap cara hidup golongan atasan, namun Guru Nanak

* Untuk perbincangan lanjut tentang perkara ini sila lihat Sarjit Singh (1998:20)

masih belum mendapat jawapan kepada masalah yang dihadapinya ketika itu. Walaupun setelah berkahwin dengan Bibi Sulakhni dan dikurniakan dua orang lelaki iaitu Sri Chand dan Lakshmi Das, Guru Nanak masih meneruskan perjuangannya dalam usaha mencari erti kata sebenar kehidupan yang perlu dilalui oleh seorang manusia (*Hormise Raj* 1987: 69).

Walaupun Guru Nanak dibesarkan dalam keluarga Hindu namun minatnya yang mendalam untuk mengetahui hal-hal ketuhanan telah mendorongnya mempelajari ajaran agama Islam. Hasil dari pemahamannya mengenai agama Islam dan agama Hindu serta menguasai kitab suci al-Quran dan Brahmanical Shastras di samping pengalamannya merantau ke beberapa buah negara termasuk tempat suci penganut agama Islam di Mekah, akhirnya Guru Nanak telah memperkenalkan ajaran baru yang dikenali sebagai Sikhism (*Cunningham* 1974: 35-37).

Guru Nanak menolak secara total sistem kasta yang diamalkan oleh masyarakat Hindu dan menyeru pengikutnya mengamalkan konsep persaudaraan sesama manusia (*Tully dan Jacob* 1986: 17). Beliau sentiasa menekankan konsep kemanusiaan sejahtera dan menyeru tiada siapa yang berkedudukan tinggi atau rendah di kaca mata Waheguru. Guru Nanak juga tidak pernah menggalakkan sesiapapun memeluk agama Sikh sebaliknya sentiasa memberi nasihat kepada orang ramai agar mematuhi ajaran agama masing-masing dengan baik.*

Perkataan Sikh berasal dari bahasa Sanskrit, 'shishya' sementara 'sikkha' dari bahasa Pali. Kedua-duanya membawa maksud pengikut dan penganut (*Lajwanti* 1985: 1-2). *Shiromani Gurdwara Parbandhak Committee (SGPC)*, Amritsar, mendefinisikan Sikh seperti berikut:

A Sikh is any person whose faith consists of belief in one God, the ten Gurus, the Guru Granth Sahib and other scriptures of the Sikh religion. Additionally, he or she must believe in the necessity and importance of amrit (the Sikh Conformational ceremony).

(*Nesbitt* 1996: 99; *Gobind Singh tanpa tarikh*: 7)

Manakala Pritam Singh Gill (1990: 184-185), pula berpendapat bahawa definisi Sikh mempunyai pengertian yang lebih luas seperti berikut:

... the word Sikh does not mean a mere 'shishya' (as used in Sanskrit), the pupil, the taught, disciple or a follower. A mere allegiance to a person or a doctrine does not make one a Sikh. A Sikh is one who is dedicated to Truth: he who travels the Truth that the Guru has built.

* Untuk keterangan lanjut tentang pemikiran Guru Nanak sila rujuk Sarjit S. Gill (2001a:2)

Penganut agama Sikh adalah pengikut kepada ajaran Sri Guru Nanak Dev Ji dan sembilan orang Guru yang lain iaitu Sri Guru Angad Dev Ji (Guru 1539-1552), Sri Guru Amar Das Ji (Guru 1552-1574), Sri Guru Ram Das Ji (Guru 1574-1581), Sri Guru Arjan Dev Ji (Guru 1581-1606), Sri Guru Hargobind Sahib Ji (Guru 1606-1644), Sri Guru Har Rai Ji (1644-1661), Sri Guru Har Kishan Ji (Guru 1661-1664), Sri Guru Teg Bahadur Ji (Guru 1664-1675) dan Sri Guru Gobind Singh Ji (Guru 1675-1708). Selepas Guru yang terakhir ini, penganut Sikh menghormati kitab suci, *Sri Guru Granth Sahib Ji* sebagai sumber ajaran agama mereka yang muktamad (*Sarjit Singh 1998: 18-19*).

Pada tahun 1699, Sri Guru Gobind Singh Ji telah memperkenalkan satu orde baru yang dikenali sebagai *Khalsa* atau bermaksud “yang tulen”. Tujuannya untuk melindungi identiti kaum Sikh daripada diresapi oleh ajaran agama Hindu dan Islam. Konsep ini menghendaki penganut Sikh melaksanakan konsep 5K (*Tully dan Jacob 1986: 20*). Simbol 5K ini penting dalam kehidupan penganut Sikh dan berlangsung dalam upacara *amrit sanskar* yang membentuk *Khalsa Panth* (persaudaraan Khalsa).

Persaudaraan *Khalsa* adalah satu persaudaraan yang unik kerana tidak membezakan seseorang mengikut kaum, kasta, pekerjaan, atau perbezaan lain. Semua yang menganggotai persaudaraan ini mempunyai hak yang sama rata dan tidak wujud diskriminasi. Penganut Sikh yang menganggotai kaum *Khalsa* perlu menghormati segala peraturan yang termaktub dalam falsafah agama Sikh, iaitu *Sikhs Code of Conduct (Sikh Rehat Maryada)*.

Institusi Gurdwara

Gurdwara merupakan pusat ibadat penganut agama Sikh. Penganut Sikh menghormati institusi gurdwara kerana ia adalah tempat ibadat dan pusat komuniti Sikh. Sejak zaman Guru Nanak, gurdwara dibina di India dan kerap kali dikenal dengan nama *dharamsala* atau *place of worship* (*Khushwant Singh 1966: 193*). Institusi gurdwara adalah sebuah institusi agama bagi penganut Sikh kerana kehidupan seorang Sikh disusun di sekitar gurdwara. Di mana-mana sahaja ada penganut Sikh, di situ ada gurdwara. Tanpa gurdwara, penganut Sikh tidak dapat mewujudkan hubungan kolektif sesama mereka dan tidak dapat mempelajari peraturan hidup sebagai orang Sikh. Ringkasnya, gurdwara adalah sebuah institusi agama yang paling berpengaruh dalam menentukan norma dan nilai-nilai tradisi komuniti Sikh (*Sarjit S. Gill 2001a: 3*).

Pritam Singh Gill (1990: 227-234) menjelaskan kepentingan gurdwara kepada penganut Sikh seperti pernyataan berikut:

Gurdwaras produce Sikhs and Sikhs produce Gurdwaras. Gurdwaras are the memory of their Gurus whom they can never forget.

Gurdwara merupakan satu-satunya tempat suci untuk penganut Sikh berkumpul dan menjalankan tugas keagamaan mereka. Di situ terletak kitab suci mengenai agama Sikh, *Sri Guru Granth Sahib Ji*. Kitab suci tersebut pada mulanya dikenali sebagai *Adi Granth*. Ia menjadi satu-satunya sumber ajaran bagi umat Sikh di mana di dalamnya terkandung segala ajaran dan amalan-amalan yang harus dipatuhi oleh penganut Sikh. Kitab suci disempurnakan oleh Guru yang kelima dalam agama Sikh iaitu Sri Guru Arjan Dev Ji dan kitab asalnya kini disimpan di Harimandir Sahib atau *The Golden Temple* di Amritsar sejak dari tahun 1604.

Penganut Sikh mengikut dan menghormati ajaran sepuluh orang Guru yang termaktub dalam kitab itu yang mengandungi 1,430 halaman. Kitab suci ini istimewa dari segi agama dan sejarah kerana hanya kitab suci inilah yang mengandungi sabda penganut beragama Sikh, Islam dan Hindu dari pelbagai kasta, latar belakang pekerjaan dan wilayah yang berbeza (*Duggal 1993: 228*).

Kitab ini juga mengandungi sabda yang ditulis sendiri oleh orang yang mengasaskan agama itu. Misalnya, sebanyak 5894 zikir (hymns) disumbangkan oleh Guru Arjan Dev Ji (2216 zikir), Guru Nanak Dev Ji (976 zikir), Guru Amar Das Ji (907 zikir), Guru Ram Das Ji (679 zikir), Guru Teg Bahadur Ji (118 zikir) dan 61 zikir oleh Guru Angad Dev Ji. Zikir-zikir ini amat mengasyikkan dan mampu melenturkan sikap keegoan seseorang manusia serta *the hymns establish a deep spiritual unity between man and God (Lajwanti 1985: 16)*.

Sri Guru Granth Sahib Ji ditulis dalam tulisan *Gurmukhi* (tulisan Punjabi). Menurut Avtar Kaur (1970: 10), walaupun tulisan *Gurmukhi* mempunyai 35 huruf, namun dengan penciptaan tulisan ini guru-guru Sikh telah berjaya melengkapkan kitab suci yang mempunyai tiga mesej utama untuk tatapan penganut Sikh seperti berikut:

1. Keperluan untuk membaiki dan memajukan manusia.
(The need for the improvement of man)
 2. Sifat-sifat memajukan manusia
(The nature for the improvement of man)
-

3. Keadaan hubungan antara sesama manusia (*The nature of relation of man to man*)

Di setiap gurdwara, kitab ini diletakkan di tempat yang paling agung serta diberi penghormatan yang paling tinggi (*Sarjit Singh 2001a: 46*). *Granthi Sahib* (ketua agama) memainkan peranan penting dalam perjalanan sesuatu upacara keagamaan di gurdwara. Seorang *Granthi Sahib* merupakan *Khalsa* yang arif tentang pengetahuan keagamaan dan falsafah. Semua penganut Sikh menghormati *Granthi Sahib* kerana statusnya dapat disamakan sebagai wazir Tuhan.

Penganut Sikh memberi salam dengan melafaz *Waheguru Ji Ka Khalsa*, *Waheguru Ji Ki Fateh* (bermaksud *the Khalsa is of God, the victory is to God*) sambil merapatkan kedua-dua belah tapak tangan ke dada apabila bertemu dengan penganut Sikh yang lain. Seseorang penganut Sikh yang masuk ke gurdwara mesti menutupkan kepalanya dan terus ke *darbar sahib* (dewan besar) dan meletakkan dahi mereka di lantai di hadapan *Sri Guru Granth Sahib Ji*. Selepas sujud, perempuan Sikh akan duduk di atas lantai di sebelah kiri manakala lelaki Sikh pula duduk di sebelah kanan. Mereka duduk dengan sopan menghadap kitab suci dan menumpukan perhatian terhadap upacara keagamaan yang dijalankan oleh *Granthi Sahib* (*Sarjit Singh 2001a: 46*).

Konsep Etika Dan Moral Dalam Agama Sikh

1. Rukun Kepercayaan Dalam Agama Sikh

Terdapat lima rukun kepercayaan asas yang terkandung dalam ajaran agama Sikh. Setiap penganut Sikh harus mempercayai dan mengikuti kelima-lima rukun ini sepanjang hayatnya dan menjelaskan rukun ini kepada generasi yang akan datang.

i) Kepercayaan kepada Tuhan yang Satu

Kepercayaan utama bagi penganut agama Sikh adalah kewujudan tuhan yang satu. Guru Nanak memperkenalkan konsep kesatuan Tuhan dengan menggunakan nombor bilangan satu (1), supaya tiada kekeliruan tentang hakikat ini. Tuhan adalah hanya satu, dan satu sahaja Tuhan yang disembah (*sahib mera eko hai – eko hai bai eko hai*) (*Sarjit Singh 2001b: 43*). Penganut Sikh menyembah kepada *Waheguru* yang bermaksud ‘Tuhan Yang Menakjubkan’ (*Sikh Naujawan Sabha 1969: 16*).

Seperti yang telah dijelaskan dalam ‘*Mool Mantar*’, *Waheguru* mempunyai segala sifat kesempurnaan dan tidak ada istilah yang dapat menghuraikannya. Guru

Nanak sendiri telah mempraktiskan ‘Mool Manter’ dan dalam *Raga Vadhans* (halaman 567) *Adi Granthi* juga ada menyatakan *by repeating (the name) of the True God means engrafting (Him) in soul* (*Lajwanti* 1985: 17).

ii) Kepercayaan Kepada Guru

Penganut agama Sikh juga mempercayai kewujudan Guru-guru yang telah banyak berjasa ke arah kewujudan agama Sikh. Adalah tidak wajar jika penganut Sikh hanya mengetahui pengasas agama iaitu Guru Nanak dan Guru terakhir iaitu Sri Guru Gobind Singh Ji sehingga mengabaikan lapan orang Guru lain yang telah berjasa kepada kemantapan agama termuda ini. Misalnya, Sri Guru Angad Dev Ji telah memperkenalkan tulisan *Gurmukhi*, Sri Guru Amar Das Ji telah melakukan reformasi sosial, Sri Guru Arjan Dev Ji telah menyusun dan melengkapkan *Sri Guru Granth Sahib Ji* serta membina tempat ibadat bagi kaum Sikh iaitu *Akal Takht* dan *Harimandir Sahib* (*temple of God*), manakala Sri Guru Gobind Singh Ji telah memperkenalkan peraturan hidup bagi penganut agama Sikh dan menubuhkan kaum *Khalsa* (*Manchindar Kaur* 1992: 18).

iii) Kepercayaan Kepada *Sri Guru Granth Sahib Ji*

Kepercayaan kepada *Sri Guru Granth Sahib Ji* yakni kitab suci bagi agama Sikh. Kitab setebal 1,430 halaman yang mengandungi 5,894 zikir ini telah dilengkapkan oleh Guru Arjan Dev Ji pada tahun 1604. Penganut Sikh menghormati kitab suci ini sebagai sumber ajaran mereka yang muktamad. Ia mengandungi segala ajaran Guru-guru Sikh dan tiada Guru lain yang akan muncul selepas *Sri Guru Gobind Singh Ji*. Ringkasnya, *Sri Guru Granth Sahib Ji* adalah satu-satunya sumber ajaran yang kekal abadi buat selama-lamanya. Menghapuskan atau menyingkir sebarang sabda yang terkandung dalam kitab ini dianggap sebagai satu penghinaan (*sacrilege*). Dalam zikirnya yang terakhir, Sri Guru Arjan Dev Ji telah menjelaskan bahawa *Sri Guru Granth Sahib Ji* adalah **kebenaran** (*truth*), **kepuasan hati** (*contentment*) dan **kebijaksanaan** (*wisdom*). Tambahnya lagi, individu yang mempraktiskan prinsip ini akan diredhai oleh Tuhan (*Lajwanti* 1985: 16).

iv) Kepercayaan Kepada Kebebasan

Penganut Sikh percaya kepada kebebasan di mana tidak ada individu yang boleh menguasai hak individu lain. Dalam erti kata lain, setiap individu berkuasa terhadap diri sendiri dan boleh melakukan apa sahaja berdasarkan kehendak dan kepuasan dirinya asalkan tidak menyeleweng dengan ajaran agama mereka. Agama Sikh menentang sekeras-kerasnya penindasan terutamanya dalam sistem kasta yang

diamalkan di India. Guru Nanak telah menentang amalan sistem kasta yang hanya merugikan umat manusia dan baginya kebebasan dan keadilan tidak akan tercapai sekiranya sistem kasta mempengaruhi pemikiran masyarakat. Dalam agama Sikh, semua umat manusia adalah sama di sisi Tuhan dan ketaqwaan sahaja yang membezakan seorang individu dengan individu yang lain (Sarjit Singh 2001b: 45). Sabda Guru Nanak:

Try to see the Light within and ask nobody's caste, for the caste is of no avail hereafter.
All men have the same eyes, the same ears, the same body, the same build, a
compound of earth, air, fire and water. (Pritam Singh 1975: 82)

v) Kepercayaan Kepada Sistem Demokrasi

Demokrasi adalah satu-satunya cara terbaik dan berkesan untuk memupuk kesefahaman dan perpaduan manusia sekaligus menghapuskan sikap suka mementingkan diri sendiri serta amalan kronisme dan nepotisme (pilih kasih). Dalam aspek pemerintahan misalnya, pengganti Guru dipilih berdasarkan kepada pengalaman dan kebijaksanaan mereka. Ia tidak mementingkan pemerintahan secara warisan. Sudah tentu dengan sistem demokrasi ini, ketidakadilan dan penganiayaan dapat dikikis. Sebaliknya umat Sikh akan lebih komited dan bersatu padu mempertahankan agama mereka (Sarjit Singh 2001b: 45).

2. Suruhan-Suruhan Dalam Agama Sikh

‘Lima Peraturan Perlakuan’, ‘Tiga Amalan Kehidupan’, ‘Lima Disiplin Kendiri’ dan menjadi seorang ‘Khalsa’ adalah di antara empat suruhan yang termaktub dalam agama Sikh. Penganut Sikh perlu memainkan peranan yang penting dalam mematuhi keempat-empat suruhan ini agar mendapat kesejahteraan, ketenangan jiwa (*salvation*) dan mendekati Tuhan.

2.1 Lima Peraturan Perlakuan

Kebenaran merupakan peraturan yang paling utama dalam ajaran agama Sikh. Misalnya, bercakap benar, dan melakukan sesuatu dengan jalan benar serta mengutamakan kebenaran adalah dituntut oleh agama Sikh. Walaupun kebenaran adalah pahit dan jalan yang amat sukar untuk dilalui, namun menjalani kehidupan dengan penuh kebenaran sesungguhnya diredhai oleh Tuhan.

Kedua ialah sifat kejujuran. Sifat ini juga berkait rapat dengan sifat kebenaran. Misalnya, bersikap jujur bukan sahaja merupakan satu sifat mulia, malah sesuatu yang mendapat perhatian dan dititikberatkan oleh semua ajaran agama. Ini

kerana manusia mendapat ketenangan jiwa, kebahagiaan batiniah dan hati yang luhur dengan mengamalkan sifat-sifat kejujuran dalam kehidupan sehari-hari mereka. Penganut Sikh perlu mempunyai sifat ketahanan diri yang teguh dan mengikuti segala ajaran agama Sikh untuk mendekati Tuhan. Agama Sikh menyeru umatnya agar belajar daripada kesilapan. Ini kerana manusia yang berjaya sebenarnya telah mempelajari segala kesilapan dan kegagalan masa lalu sehingga membolehkan mereka memperbaiki daya ketahanan diri masing-masing.

Selain itu, cara hidup berkeluarga atau *grihasth asram* adalah dimestikan dan semula jadi sifatnya. Dalam agama Sikh, kehidupan berkeluarga adalah penting kerana selain menyahut seruan Guru mereka seharusnya melaksanakan tanggungjawab terhadap keluarga mereka. Ringkasnya, agama Sikh memandang mulia individu yang mengamalkan cara hidup berkeluarga dan mementingkan perkahwinan dalam kehidupan mereka.

Akhir sekali, sifat ketaatan juga penting dalam kehidupan seseorang penganut Sikh. Semua penganut Sikh mempunyai sifat taat yang tidak berbelah bahagi terhadap agama dan Guru-guru mereka. Mereka juga harus mempunyai sifat ketaatan yang kuat terhadap bangsa dan negara mereka kerana agama Sikh mengajar umatnya agar tidak mementingkan diri sendiri tetapi mengutamakan kebajikan umat manusia yang lain.

3. Tiga Amalan Kehidupan

Kirt Karni, *Wand Shakna* dan *Nam Japna* adalah tiga amalan mulia yang harus sebatи dalam diri seseorang yang bernama Sikh (Cole dan Sambhi 1978: 136). *Kirt Karni* bermaksud mendapat perolehan atau pendapatan melalui hasil titik peluh sendiri. Selain itu, kejujuran harus diutamakan tanpa menindas hak orang lain semata-mata untuk kepentingan dan kepuasan diri sendiri.

Wand Shakna pula bermaksud berkongsi pendapatan yang diperoleh dengan orang yang lebih memerlukan dan kurang upaya. Adalah menjadi tanggungjawab seorang Sikh mengeluarkan 1/10 (*daswandh*) daripada pendapatannya untuk tujuan menderma. Konsep ini sebenarnya mempunyai pengertian yang lebih luas. Ini kerana *Wand Shakna* bukan sahaja meliputi aspek pendapatan atau kebendaan semata-mata tetapi yang penting sekali berkongsi ilmu pengetahuan (*knowledge*) dan melakukan kebajikan kepada umat manusia tanpa mengira bangsa, agama dan jantina seseorang individu.

Nam Japna pula bermaksud sentiasa bertaqwah dan bermeditasi kepada *Waheguru*. Ia penting dalam kehidupan seseorang penganut Sikh. Sekiranya makanan dikatakan menguatkan tubuh badan, manakala sembahyang pula membersihkan minda dan meninggikan (*uplifts*) roh. Penganut Sikh haruslah bangun awal pagi dan melakukan *Naam Simran* iaitu bermeditasi kepada “Tuhan yang Menakjubkan” (*Waheguru*). Melalui sembahyang sajalah segala kedukaan dan kesengsaraan manusia dapat dihapuskan. Penganut Sikh diseru untuk sentiasa bersyukur kepada rahmat Tuhan dan mengingatiNya setiap masa.

4. Lima Displin Kendiri

Seorang penganut Sikh juga dikehendaki mengawal lima sifat negatif yang boleh membinasakan hidup mereka. Pertama, *kam* iaitu keghairahan (*passion/lust*). Seseorang itu haruslah mengawal nafsu seksnya agar tidak melakukan sesuatu perkara yang boleh menjelaskan keperibadian diri dan nama baik keluarga. *Karod* atau kemarahan (*anger*) bukan sahaja mendorong seseorang mengambil tindakan yang salah, malah membenarkan perlakuan-perlakuan negatif menguasai diri.

Sikap *lob* yakni tamak haloba (*greed*) juga haruslah dikikis. Sebaliknya menanam sikap persaudaraan sesama manusia dengan sentiasa berkongsi perolehan kita, lebih-lebih lagi kepada golongan yang kurang berupaya. *Hankar* atau perasaan megah diri atau *ego* (*pride*) merupakan satu sikap yang kurang disenangi dan ketebalan perasaan hankar ini kelak akan memakan diri sendiri. Akhir sekali, seorang penganut Sikh perlu mengelakkan diri mereka daripada sifat *moh* iaitu penglibatan (*attachment*) dalam kehidupan dunia hanya akan merugikan diri sendiri. Ringkasnya, penganut Sikh perlu mengawal lima sifat negatif ini dalam kehidupan mereka. Meditasi adalah satu cara yang terbaik untuk mengelakkan penguasaan kelima-lima sifat negatif ini dalam aktiviti sehari-hari setiap individu. Tanpa meditasi, seseorang individu pasti akan dipengaruhi oleh kelima-lima sifat negatif dalam kehidupan mereka.

5. Kepentingan Khalsa dan Upacara Amrit Sanskar

Khalsa berasal dari bahasa Parsi yang bermaksud suci, tulen dan murni. Konsep *khalsa* ini telah diperkenalkan oleh Sri Guru Gobind Singh Ji dalam tahun 1699. Dalam agama Sikh, upacara *amrit sanskar* (pembaptisan) sangat penting untuk penganut Sikh mendekatkan diri dengan Tuhan. Setiap penganut Sikh diwajibkan memohon *amrit* dalam hidupnya sekiranya ingin menjadi seorang *khalsa* yang tulen

dan ikhlas. Upacara ini bersifat kolektif kerana diadakan apabila ada beberapa orang penganut Sikh bersedia memohon *amrit* untuk dibaptiskan (*Sarjit Singh* 1998:32-33).

Amrit sanskar dalam agama Sikh tidak dipaksa dan boleh dilakukan pada bila-bila masa tanpa sebarang sekatan umur. Namun, kanak-kanak yang terlalu muda tidak diterima kerana mereka belum cukup dewasa untuk memahami erti upacara itu. Upacara dilangsungkan oleh lima orang Sikh yang alim dan sempurna yang disebut sebagai *panj piare* (*five beloved ones*). Sebelum seseorang dibaptiskan, dia mestilah mandi dan diwajibkan memakai simbol 5K. Mereka juga tidak dibenarkan memakai barang kemas, peralatan persolekan, dan perhiasan (*Sarjit Singh* 1999a: 54).

Penganut Sikh juga dikehendaki menghormati simbol 5K untuk keselamatan hidup selama-lamanya. Kelima-lima simbol yang bermula dengan huruf K, iaitu *kesh* (*rambut panjang*), *kangha* (*sikat kecil*), *kara* (*gelang besi*), *kirpan* (*pedang kecil*) dan *kacchera* (*seluar pendek*), adalah pakaian bagi penganut Sikh yang telah memohon *amrit* dan menjadi anggota kaum *khalsa* yang bermaksud yang tulen (*Sarjit Singh* 1999a: 54).

Upacara dimulakan dengan *Granthi Sahib* membaca doa daripada kitab suci, *Sri Guru Granth Sahib Ji*. Salah seorang daripada *panj piare* akan mengetuai upacara ini dengan menjelaskan prinsip kepercayaan dalam agama Sikh dan menyatakan calon sama ada mereka menerimanya. *Granthi Sahib* akan terus membaca sabda daripada kitab suci dan *panj piare* akan mula menyediakan *amrit* dengan melutut dalam gaya berani mengelilingi sebuah mangkuk besi yang diisi dengan air gula kristal. Setiap *panj piare* akan mengacau campuran tersebut dengan *khanda* (pisau besi bermata dua) sambil membaca sabda *Japuji*, *Jaap*, *10 Sawayyas*, *Banti Chaupai* dan *Anand Sahib* (*Dharam Parchar Committee* 1994: 35).

Apabila *panj piare* siap menyediakan *amrit*, setiap calon akan tampil ke hadapan sambil duduk dengan gaya berani dan diberi *amrit* sebanyak lima kali untuk diminum. Sedikit *amrit* direnjiskan pada mata dan rambut calon tersebut. Semasa menerima *amrit*, calon dikehendaki mengulangi kalimat *Waheguru Ji Ka Khalsa, Waheguru Ji Ki Fateh* (*The Khalsa is of God, the victory is to God*). Baki *amrit* akan diminum oleh semua calon dari mangkuk besi tersebut (*Cole dan Sambhi* 1978: 126).

Setiap calon yang telah memohon *amrit* akan menjadi kaum *khalsa* dan perlu mengikuti semua perkara yang sangat penting dalam ajaran agama Sikh, iaitu:

- a) Kepercayaan penuh pada Tuhan yang Esa.
- b) Memandang kaum Sikh sebagai keluarganya.
- c) Menghormati simbol yang lima.
- d) Memahamkan bahawa bapa rohaninya ialah Sri Guru Gobind Singh Ji, ibu rohaninya ialah Mataji Sahib Kaur dan kampung rohaninya ialah Anandpur Sahib di Punjab, India.
- e) Menghormati segala makhluk tanpa membezakan agama, bangsa atau warna kulitnya.

(*Sikh Naujawan Sabha* 1969: 61)

Simbol 5K penting sebagai disiplin dalam peraturan *khalsa* dan mesti dipakai sepanjang masa kerana mencirikan identiti komuniti Sikh yang signifikan. Pertama, *kesh* atau rambut panjang ialah simbol terpenting bagi kaum Sikh sebagai simbol keimanan. Ringkasnya, penganut Sikh tidak seharusnya memotong atau mencukur rambut dan bulu di mana-mana bahagian badan mereka. Berbuat demikian dianggap melanggar perintah *Waheguru*. Kedua, *kangha* atau sikat mempunyai hubungan rapat dengan rambut kerana dengan adanya sikat, rambut dianggap akan sentiasa bersih. Sikat yang diperbuat daripada kayu dan sentiasa terletak di dalam serban. Ketiga, *kirpan* atau pedang kecil menunjukkan seseorang yang memegangnya adalah setia dan teguh imannya serta mempunyai komitmen yang tinggi terhadap agama. Simbol ini biasanya digunakan untuk melawan ketidakadilan, penganiayaan dan membantu golongan yang lemah. Ia juga tidak boleh digunakan sesuka hati untuk menguasai hak orang lain. Keempat, *kacchera* atau seluar pendek melambangkan kesediaan setiap waktu serta ketangkasan dalam proses melakukan sesuatu. Yang terakhir, *kara* atau gelang besi yang dipakai di tangan kanan untuk mengingatkan seseorang agar mengelakkan kejahatan serta melambangkan ikatan dan kepatuhan yang teguh di antara si pemakai dan agamanya (*Sarjit Singh* 1998: 103; *Sarjit Singh* 2001b: 45).

Ringkasnya, simbol 5K penting bagi menentukan keahlian dan pembentukan identiti Sikh yang bersifat kolektif bagi komuniti Sikh. Agama Sikh menekankan prinsip 5K sebagai asas identiti seseorang penganut Sikh yang sebenar dan tulen. Pengamalan simbol 5K merupakan syarat penting bagi seseorang penganut untuk menyahut cabaran *Sri Guru Gobind Singh Ji* kerana melambangkan pegangan agama seseorang Sikh yang benar-benar sejati dan tulen (*Sarjit Singh* 1999a: 55).

Setiap penganut Sikh yang telah mengambil *amrit* dan menjadi seorang *khalsa* perlu mematuhi empat larangan (*char kurahit*) dalam persaudaraan *khalsa* yang

ditetapkan oleh Sri Guru Gobind Singh Ji pada tahun 1699. Pertama, tidak boleh memotong atau mencukur sebarang rambut di mana-mana bahagian badannya. Kedua, tidak boleh memakan daging yang disediakan oleh agama lain (termasuk daging halal), sebaliknya hanya memakan daging yang dipotong dengan sekali pancung atau *jhatka*. Ketiga, tidak boleh meminum arak, menghisap tembakau atau dadah. Dan keempat, tidak boleh mengadakan hubungan seks selain daripada suami atau isteri (*Sarjit Singh* 1999b: 188).

Penganut Sikh yang memohon *amrit* perlu mempunyai kekuatan jati diri dari segi mental dan fizikal agar dapat menempuh segala rintangan yang bakal dihadapinya semasa menjadi anggota *khalsa panth* (*persaudaraan khalsa*). Hal ini demikian kerana sekiranya seseorang individu tidak mempunyai kekuatan jati diri, sukar baginya untuk menjadi anggota *khalsa panth*. Bagi penganut Sikh yang melanggar salah satu daripada empat pantang larang itu, individu tersebut dianggap sebagai *patit* (*apostate/murtad*) dan dikehendaki memohon *amrit* semula untuk menyucikan dirinya. Ringkasnya, upacara *amrit sanskar* penting bagi penganut Sikh untuk mendekati Tuhan (*Sarjit Singh* 1999a: 55).

6. Konsep Mukti Dan Moksha

Mukti atau kebebasan (*emancipation*) harus dicapai dalam kehidupan ini. Dalam agama Sikh, *mukti* bermaksud mencintai Tuhan dengan *intensity as to be one with Him* (*Lajwanti* 1985: 19). Selain itu, mencintai Tuhan dapat menghapuskan sikap mementingkan diri sendiri dan perasaan angkuh. Seseorang yang berjaya menghapuskan sikap ini di dalam jiwanya dan menjalani kehidupan dengan perintah tuhan akan digelar sebagai *jiwanmukti*.

Moksha pula bermaksud kebebasan daripada kelahiran dan kematian. Agama Sikh percaya kebebasan daripada dua kitaran ini hanya boleh dicapai oleh seseorang yang bernama *jiwanmukti*, iaitu seseorang yang telah menghapuskan sikap angkuh dan yang suka mementingkan diri sendiri. Dalam erti kata yang lain, *jiwanmukti* adalah seseorang yang menjalani kehidupannya dengan keseimbangan dan dapat mengawal lima sifat negatif yang telah dijelaskan tadi iaitu *kam, karod, lob, moh* dan *hankar*.

Namun begitu, pengertian mukti dan moksha dari perspektif agama Sikh amat berbeza sekali. Menurut Lajwanti (1985: 19) dalam agama Sikh:

... no importance is given to the intellectual comprehension about mukti and moksha; more important to a Sikh is to live a life of true values in human activities.

Sebenarnya, mencintai Tuhan, mencintai umat manusia serta melakukan kebajikan atau *seva (service)* adalah lebih penting dan bermakna daripada pencapaian *moksha* yang lebih bersifat *individual self*. Pandangan *Choor Singh* (1994: 26) begitu menarik dan jelas:

... the goal is not moksha, nirvan or personal salvation after death and there is no selfishness in his goal; he wants to liberate not only himself but the whole world.

Apakah pandangan agama Sikh mengenai konsep syurga dan neraka? Konsep syurga dan neraka dalam agama Sikh begitu mudah dan signifikan. Iaitu seseorang individu yang menjalani kehidupan dengan mengingati, mencintai serta mentaati perintah Tuhan adalah diibaratkan seperti kehidupan di syurga dan sebaliknya

7. Konsep Persamaan Dalam Agama Sikh

Semasa berada di Kartarpur, Punjab, Guru Nanak telah memperkenalkan tiga elemen penting dalam agama Sikh iaitu *sangat*, *guru ka langgar* dan *seva* untuk mewujudkan konsep persamaan sesama manusia.

7.1 Konsep Sanggat

Pertama, konsep *sanggat* (jemaah) penting dalam agama Sikh. Ia wujud apabila penganut Sikh duduk bersama dalam *darbar sahib*, di atas lantai tanpa sebarang tempat duduk yang dikhaskan untuk sesiapa. Perkataan *sadh sanggat* mempunyai maksud yang istimewa, iaitu *company of holy men* (*Gobind Singh tanpa tarikh*: 172). *Sanggat* diperlukan untuk meningkatkan taraf kerohanian seseorang penganut Sikh. Menurut *Pritam Singh* (1975: 112):

Sanggat or congregation has an important place in Sikh life...sitting in the *sanggat* along with other co-disciples develops a sense of humility, sympathy, love, equality and brotherhood.

Sanggat turut memainkan peranan dalam proses membuat keputusan penting di *gurdwara*. Lazimnya, *Jawatankuasa Parbhandak Gurdwara* meminta *sadh sanggat* membuat keputusan yang dianggap penting dengan perjalanan *gurdwara*. *Sanggat* mempunyai kuasa untuk menolak sebarang keputusan yang dibuat oleh *Jawatankuasa Parbhandak Gurdwara*. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan unsur demokrasi dalam membuat keputusan (*Sarjit Singh* 1998: 69).

Sanggat juga merupakan satu pembolehubah yang begitu cepat mempengaruhi tingkah laku komunitinya. Lazimnya, komuniti Sikh mengenali antara
